

## **GAYA PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN DUA MATA PELAJARAN KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU, DI DAERAH PETALING, SELANGOR.**

*Abdul Shukur Tuman & Nurzatulshima Kamarudin  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **Abstrak**

Kajian ini mengkaji kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar sekolah disamping membezakan pelajar cemerlang, sederhana dan lemah khususnya dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Kajian ini melibatkan seramai 368 orang responden yang terdiri daripada 204 pelajar lelaki dan 164 pelajar perempuan tingkatan dua di 27 buah sekolah yang berada di bawah pengawasan Pejabat Pelajaran Daerah Petaling Utama (PPDPU), Selangor. Kajian ini berbentuk deskriptif dan menggunakan instrumen soal selidik dengan skala empat mata bagi mengukur empat kategori gaya pembelajaran. Empat kategori gaya pembelajaran oleh Dunn dan Dunn adalah kategori Persekitaran, Emosional, Sosiologikal dan Fizikal. Nilai pekali Alpha Cronbach untuk kajian ini adalah 0.73. Dapatan kajian mendapati kategori Sosiologikal adalah gaya pembelajaran yang paling dominan diamalkan oleh responden kajian iaitu (min 2.88, SP=0.89). Kategori yang kedua adalah kategori Emosi (min 2.87, SP=0.80), diikuti dengan kategori Fizikal (min 2.64, SP=0.90) dan seterusnya kategori Persekitaran (min 2.55, SP=0.77). Keseluruhannya tahap gaya pembelajaran pelajar berada pada tahap sederhana. Disamping itu, tidak ada perbezaan yang ditunjukkan oleh pelajar cemerlang, pelajar sederhana dan pelajar lemah bagi setiap kategori. Berdasarkan hasil analisis, pihak guru perlulah menekankan aspek Sosiologikal dalam gaya pembelajaran pelajar khususnya mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Ini merupakan salah satu kaedah bagi meningkatkan pencapaian mereka.

Kata kunci : Gaya Pembelajaran, sosiologikal, emosi, fizikal

### **Latar Belakang**

Mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu merupakan satu mata pelajaran amali yang berunsurkan teknologi. Ia ditawarkan kepada semua pelajar tingkatan satu hingga tingkatan tiga. Mata pelajaran ini dirancang sedemikian rupa untuk mencapai matlamat ke arah mempertingkatkan produktiviti negara melalui penglibatan masyarakat secara kreatif, inovatif dan produktif. Mata pelajaran ini yang digubal berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai usaha pendidikan ke arah mempertingkatkan kemahiran teknologi dan keusahawanan dalam usaha membangun modal insan melalui program pendidikan yang berkualiti dan holistik.

Setiap pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar sememangnya akan memberikan kesan terhadap pencapaian mereka. Menurut Emeliana Elias et al. (2012), perhatian yang diberikan kepada gaya pembelajaran adalah merupakan perhatian terhadap perbezaan individu dan perbezaan kekuatan individu. Perbezaan pencapaian merupakan perkara biasa yang boleh kita lihat berdasarkan keputusan Penilaian Menengah Rendah khususnya dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Oleh demikian, Dunn (1978) mengesyorkan agar para guru, pelajar dan ibubapa memahami gaya belajar pelajar dan menganggap perbezaan yang ada pada diri seseorang pelajar itu merupakan satu keistimewaan dan dapat menggunakan keistimewaan mereka itu secara berkesan dalam pembelajaran mereka. Hasil dari perbezaan pencapaian peperiksaan, dapatlah dilihat bahawa perbezaan gaya pembelajaran mampu memberikan kesan yang berbeza. Menurut Dunn dan Stevenson (1997), gaya pembelajaran yang dimiliki juga dapat membantu seseorang untuk mengenalpasti situasi pembelajaran dan mempertingkatkan prestasi pembelajaran. Gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan diri pelajar adalah satu perkara yang penting dalam memastikan pengasimilasian ilmu yang dipelajari memberi kesan cemerlang.

Peranan guru tidak boleh dinafikan dalam memberikan ilmu kepada pelajarnya. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi seseorang murid dapat mengenal pasti kesesuaian gaya pembelajaran yang perlu diamalkan. Pelajar haruslah mengenali dirinya sebelum memilih gaya pembelajaran yang sesuai dan gaya pembelajaran ini perlulah dipadankan dengan mata pelajaran yang ingin dipelajari. Menurut John West-Burnham (2010), semua pembelajaran adalah bersifat individu, subjektif dan perihal kelakuan sendiri. Tumpuan kajian ini adalah kepada pelajar tingkatan dua yang mengambil mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu dan telah dinilai

menerusi sistem Penilaian Berasaskan Sekolah pada hujung tahun tingkatan satu. Ini kerana, terdapat beberapa golongan pelajar yang mendapat keputusan peperiksaan kurang memuaskan walaupun mereka telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapatkan markah yang baik.

Guru mungkin menganggap jika pencapaian seseorang pelajar itu kurang baik adalah disebabkan pelajar tersebut kurang melakukan ulang kaji tanpa mengambil kira kemungkinan faktor lain yang mungkin mempengaruhi. Kemahiran Hidup Bersepadu bukanlah satu mata pelajaran yang menjadi keutamaan mana-mana Pusat Tuisyen untuk ditawarkan. Ini bermaksud kebergantungan pelajar banyak tertumpu kepada apa yang diajarkan di sekolah. Maka di sinilah tahap kesedaran guru perlu tinggi dalam mempelbagaikan gaya pembelajaran. Menurut Almasa Mulalic et al. (2009), banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar pada semua tahap. Gaya pembelajaran pelajar merupakan salah satu faktor yang perlu diberikan perhatian apabila mengkaji tingkah laku dan pencapaian pelajar. Sebagai seorang guru yang diamanahkan untuk mendidik pelajar, kesesuaian gaya pembelajaran sebenarnya mampu untuk melonjakkan lagi pencapaian akademik pelajar. Menurut Mohamad Jafre et al. (2011), guru sepatutnya lebih peka terhadap penggunaan gaya pembelajaran untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran. Selain itu, hasil kajian mereka menunjukkan dengan jelas penanda aras bahawa gaya pembelajaran akan memberikan kesan terhadap keseluruhan pencapaian pelajar. Selain meletakkan tanggungjawab pencapaian akademik pelajar ke atas bahu guru. Para ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam memastikan kejayaan anak mereka dalam bidang akademik. Menurut Mohamad Johdi Salleh (2009), komitmen ibu bapa mempunyai kaitan rapat terhadap pencapaian anak-anak mereka.

### **Objektif Kajian**

Terdapat dua objektif kajian yang disediakan dalam kajian ini, iaitu

1. Menenal pasti gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar tingkatan dua dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu di Daerah Petaling dari kategori:
  - i. persekitaran,
  - ii. emosi,
  - iii. sosiologikal,
  - iv. fizikalmengikut Model Dunn dan Dunn.
2. Membezakan gaya pembelajaran berdasarkan pencapaian Kemahiran Hidup Bersepadu pelajar di Daerah Petaling.

### **Metodologi**

Kajian yang ingin dijalankan merupakan kajian kuantitatif. Kajian tinjauan (survey) berbentuk deskriptif digunakan sebagai rekabentuk kajian. Penyelidikan deskriptif merupakan suatu jenis penyelidikan yang bertujuan untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 1998). Kajian ini melibatkan sekolah-sekolah yang terdapat di Daerah Petaling Utama, Selangor. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan dua sekolah menengah harian biasa. Pelajar-pelajar ini dipilih dari 27 buah sekolah yang berada di bawah pengawasan Pejabat Pelajaran Daerah Petaling Utama (PPDPU), Selangor. Dari jumlah 27 buah sekolah tersebut, PPDPU telah membahagikan kepada 4 zon. Sampel rawak berstrata digunakan iaitu populasi dibahagikan kepada sub-populasi yang tidak bertindih. Teknik ini dipilih kerana dapat memberikan gambaran yang lebih baik terhadap populasi dan perwakilan yang menyeluruh. Selain itu, Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie & Morgan (1970) digunakan untuk mendapatkan jumlah sampel yang diperlukan bagi kajian ini.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Sebanyak 44 item berkaitan dengan gaya pembelajaran telah diberikan kepada responden untuk menjawab. Daripada 44 item tersebut telah dipecahkan kepada empat kategori yang diambil berdasarkan Model Dunn dan Dunn iaitu kategori Persekitaran, Emosi, Sosiologikal dan Fizikal. Analisis dibuat berdasarkan setiap kategori sepertimana yang terdapat dalam persoalan kajian dan diasingkan diantara pelajar lemah, sederhana dan cemerlang.

*Analisis Gaya Pembelajaran Dominan Pelajar*

Analisis gaya pembelajaran diterjemahkan berdasarkan nilai Min dan Sisihan Piawai. Jadual 1 menunjukkan hasil analisis secara keseluruhannya.

Jadual 1: Analisis Min, Sisihan Piawai dan Tahap Bagi Gaya Pembelajaran Dominan Pelajar

Kategori	min	Sisihan Piawai	Tahap
Persekitaran	<b>2.55</b>	0.77	Sederhana
Emosi	2.87	0.80	Sederhana
Sosiologikal	<b>2.88</b>	0.89	Sederhana
Fizikal	2.64	0.90	Sederhana

Hasil daripada analisis yang dilakukan terhadap semua kategori gaya pembelajaran Model Dunn dan Dunn, tidak terdapat perbezaan yang ditonjolkan oleh pelajar. Data menunjukkan empat kategori Model Dunn dan Dunn iaitu Persekitaran, Emosi, Sosiologikal dan Fizikal dalam mempengaruhi gaya pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu berada pada tahap sederhana. Berdasarkan analisis deskriptif dengan menggunakan nilai min, kategori Sosiologikal lebih domain berbanding kategori lain iaitu nilai min 2.88 (SP=0.89). Kedua adalah kategori Emosi dengan nilai min 2.87 (SP=0.80) diikuti kategori Fizikal iaitu nilai min 2.64 (SP=0.90). Kategori Persekitaran mencatatkan nilai terendah iaitu nilai min 2.55 (SP=0.77).

*Analisis Membezakan Gaya Pembelajaran Mengikut Pencapaian Pelajar*

Bahagian ini cuba membezakan gaya pembelajaran yang gemar diamalkan oleh pelajar tingkatan dua berdasarkan pencapaian band mereka pada tahun sebelumnya. Data dianalisis mengikut kategori berdasarkan setiap pernyataan item soal selidik. Pencapaian pelajar pula dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu pelajar lemah, sederhana dan cemerlang seperti yang terdapat pada Jadual 2 selepas dianalisis secara keseluruhan.

Jadual 2: Analisis Min Gaya Pembelajaran Antara Pelajar Lemah, Sederhana dan Cemerlang

Kategori		Pelajar Lemah	Pelajar Sederhana	Pelajar Cemerlang
Persekitaran	Min	2.51	2.58	2.14
	(SP)	(0.85)	(0.74)	(0.72)
Emosional	Min	2.77	2.90	2.87
	(SP)	(0.87)	(0.78)	(0.80)
Sosiologikal	Min	2.85	2.90	2.88
	(SP)	(0.93)	(0.91)	(0.89)
Fizikal	Min	2.64	2.64	2.64
	(SP)	(0.96)	(0.90)	(0.90)

Secara keseluruhannya, tidak terdapat perbezaan gaya pembelajaran ditunjukkan oleh tiga kategori pelajar iaitu pelajar lemah, sederhana dan cemerlang. Walau bagaimanapun, berdasarkan data yang dianalisis, pelajar cemerlang menunjukkan nilai min yang terendah bagi kategori Persekitaran iaitu 2.14 (SP=0.72). Ini menunjukkan faktor persekitaran tidak terlalu mempengaruhi gaya pembelajaran mereka berbanding pelajar lemah dan pelajar sederhana. Bagi kategori lain iaitu Emosi, Sosiologikal dan Fizikal menunjukkan kesemua mereka masih berada pada tahap yang sama iaitu sederhana. Selain itu, pelajar pencapaian sederhana mendapat nilai min tertinggi untuk kategori Emosional dan Sosiologikal iaitu 2.90 (SP=0.78) dan 2.90 (SP=0.91). Menariknya, kategori Fizikal menunjukkan nilai min yang sama untuk ketiga-tiga kategori pelajar iaitu 2.64.

**Kesimpulan**

Merujuk kepada dapatan kajian yang diperolehi. Kesemua kategori gaya pembelajaran berdasarkan Model Dunn dan Dunn mencatatkan tahap sederhana. Ini termasuk jugalah perbezaan

gaya pembelajaran antara pelajar cemerlang, pelajar sederhana dan pelajar lemah. Namun, masih terdapat beberapa aspek dalam setiap kategori yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak terutamanya guru dan ibu bapa. Kerjasama antara ibu bapa dan guru juga akan membawa kepada perkembangan yang positif terhadap gaya pembelajaran pelajar. Menurut Ibrahim Yasar (2009), guru juga boleh membantu ibu bapa dalam menyediakan suasana pembelajaran yang sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar. Setiap mata pelajaran memerlukan gaya pembelajaran yang berbeza termasuklah mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu. Menurut kajian yang dilakukan oleh Mohamad Jafre et al (2011), gaya pembelajaran akan memberikan kesan secara keseluruhan terhadap pencapaian pelajar. Walaupun secara keseluruhannya kategori Sosiologi merupakan gaya pembelajaran domain pelajar, kategori lain masih perlu diambil kira iaitu Persekitaran, Emosi dan Fizikal. Setiap kategori mempunyai kaitan antara satu sama lain dalam memastikan gaya pembelajaran yang diamalkan mampu meningkatkan pencapaian mereka. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Mohd Anuar dan Norshahril (2011), faktor persekitaran juga mampu memberikan kesan yang tinggi terhadap emosi. Oleh demikian, tumpuan terhadap semua aspek secara berterusan boleh memastikan gaya pembelajaran pelajar sentiasa berada pada tahap yang sesuai.

### Rujukan

- Almasa Mulalic, Parilah Mohd Shah & Fauziah Ahmad. (2009). Learning Style Preference of ESL Students. *Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(1), 9-17.
- Emeliana Elias, Hussin Sarju, Mohd Izyan Zuhaili Zainudin, Shamsul Kamarudin & Azizi Yahaya. (2012). Hubungan Antara Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Teknik Perdagangan Johor Bahru. *Journal of Educational Psychology & Counseling*, 5, 58-70.
- Dunn, R. & Dunn, K. (1978). *Teaching Students Through Their Individual Learning Styles: A Practical Approach*. Reston, Virginia: Reston Publishing.
- John, W. B. & Fergus, O. (2010). *Mengembangkan Profesionalisme di Sekolah*. United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Dunn, R. & Stevenson, J.M. (1997). Teaching Diverse College Students To Study A Learning Style Prescription. *College Student Journal*, 31(3), 333-339.
- Ibrahim Yasar Kazu. (2009). The Effect of Learning Styles on Education and the Teaching Process. *Journal of Social Sciences*, 5(2), 85-94.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D. W. (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Mohamad Jafre Zainol Abidin, Abbas Ali Rezaee, Helan Nor Abdullah & Kiranjit Kaur Balbir Singh. (2011). Learning Styles and Overall Academic Achievement in a Specific Educational System. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(10), 143-152.
- Mohamad Johdi Salleh, Che Noraini Hashim, Ismael Hassanaen & Amir Hasan Dawi. (2009). Status Sosio Ekonomi dan Komitmen Ibu Bapa Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Penilaian Menengah Rendah, Malaysia. *Theme: Bridging Words: Making Connections in Education. 21th – 24th May 2009 14th International Conference on Education*.
- Mohd Anuar Abdul Rahman & Norshahril Abdul Hamid. (2011). Kesan Persekitaran Terhadap Pembangunan Emosi Pelajar Di Fakulti Pendidikan UTM. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1, 141-161.
- Mohd Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.